



Kementerian Sumber
Asli dan Alam Sekitar



Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Diterbitkan sejak 1932

ماجوتن

MAJUTAN

Edisi Januari-April 2015 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2015 (15)



5

PROGRAM
BANTUAN BANJIR



6

PELAKSANAAN
UJIAN KHAS KEPADA
RENJER HUTAN
DAN PENGAWAS
HUTAN, JABATAN
PERHUTANAN
SEmenanjung
MALAYSIA



16

KURSUS TATACARA
PEMANDUAN
PACUAN EMPAT
RODA (4X4)



19

PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN
SIRI 1 TAHUN 2015
JABATAN
PERHUTANAN
SEmenanjung
MALAYSIA



21

MAJLIS
ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG
(APC) DAN
APRESIASI
PESARA 2015
JABATAN
PERHUTANAN
SEmenanjung
MALAYSIA

Sidang Redaksi

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Abd. Rahim
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGURUSI

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin Bin Mahmud
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Puan Shashiah Binti Abdul Karim
Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN

PENGARANG

Othman Bin Deris

PENOLONG PENGARANG 1

Asiah Binti Yaacob

PENOLONG PENGARANG 2

Suhana Binti Bebakar

KONSEP DAN REKA BENTUK

Rajihan Bin Rahim

URUSAN PERCETAKAN & EDARAN

Kamal Kusyairi Bin Abd Ghani

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR

Nurazuwah Binti Omar

KEDAH

Siti Sarah Binti Shaharuddin

KELANTAN

Suryani Binti Mohd Nordin

MELAKA

Noor Syuhada Binti Abdul Samad

NEGERI SEMBILAN

Siti Norhayati Binti Mohamad Mastar

PAHANG

Bahren Zuhaily Bin Abdul Rahim

PERAK

Nur' Ain Binti Chek Mustafa

PERLIS

Abdul Wahab Bin Jamaluddin

PULAU PINANG

Wan Mohd Yassim Bin Wan Wahab

SELANGOR

Nor Wahida Binti Amran

TERENGGANU

Mohd Hafni Bin Ahmad Saraji

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Rusli Bin Tahir

WAKIL BAHAGIAN & UNIT IBU PEJABAT PERHUTANAN

PERANCANGAN & EKONOMI HUTAN

Suhaida Binti Mohamed

PENGURUSAN HUTAN

Rosaizan Haryani Binti Rosli

SILVIKULTUR & PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN

Nor Hasliza Binti Mohd Bokti

LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN

Wan Ghazali Bin Wan Ali

HAL EHWAH ANTARABANGSA

Harry Yong

LATIHAN PERHUTANAN

Muhammad Hafidz Bin Abdullah

PENGUATKUASAAN HUTAN

Muhamat Azman Bin Yahya

KEJURUTERAAN HUTAN

Ab. Rashid Bin Othman

KHIDMAT PENGURUSAN

Hamidi Bin Abd. Halim

PENGURUSAN MAKLUMAT

Noorazila Binti Yatim

TEKNIKAL & INDUSTRI KAYU

Zulazfar Husaini Bin Abdullah Sani

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

Mohd Zulhilmi Bin Mohd Radzi

FOREST ECO-PARK & HUTAN TAMAN NEGERI

Muhammad Firdaus Bin Khadlan

KOMUNIKASI KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

Nor Hidayu Binti Abd. Razak

SETIAUSAHA PUSPANITA

Siti Raihana Binti Ramli

JURUFOTO

Hairul Bin Abdul Hamid

Pihak Jawatankuasa Majutan mengalui-alukan sebarang bentuk Cadangan / Artikel / Rencana / Komen daripada seluruh warga Perhutanan.

SILA MAJUKAN KEPADA ALAMAT EMEL :
asiah@forestry.gov.my / suhana.bebakar@forestry.gov.my



Dari Meja Ketua Pengarang

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya di atas kejayaan dan kesungguhan sidang redaksi MAJUTAN yang telah berjaya menerbitkan Buletin MAJUTAN Edisi Januari hingga April 2015. Saya bagi pihak sidang redaksi MAJUTAN ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja JPSM yang telah menulis artikel untuk penerbitan edisi ini.

Buletin MAJUTAN Edisi Januari hingga April 2015 kembali lagi dengan penyampaian berita dan peristiwa yang penuh berinformasi. Dalam pada itu, program-program yang dirancang pada awal tahun 2015 telah berjaya diadakan dengan lancar hasil kerjasama semua warga kerja JPSM. Pelbagai artikel menarik yang terpilih dipaparkan untuk dikongsi bersama semua warga JPSM.

Justeru itu, saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini, tidak lupa juga saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada ahli Jawatankuasa sidang redaksi di atas dedikasi dan komitmen yang telah diberikan dalam merancang dan menjayakan penerbitan Majutan edisi ini.
Sekian, terima kasih.

PUAN SHASHIAH BINTI ABDUL KARIM

Ketua Pengarang Sidang Redaksi

Isi Kandungan

• MESYUARAT DAN LAWATAN TAPAK PROJEK KHAS ASEAN SUMMIT 2015	1
• SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI TAHUN 1436H/2015M	1
• MAJLIS MEMPERBAHARUI IKRAR PERKHIDMATAN AWAM	2
• PROGRAM SUMBANGAN BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI JAJAHAN TANAH MERAH	3
• MAJLIS RESEPSI PERKAHWINAN KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2014	4
• PROGRAM BANTUAN BANJIR	5
• PELAKSANAAN UJIAN KHAS KEPADA RENJER HUTAN DAN PENGAWAS HUTAN, JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	6
• KEJOHANAN FUTSAL PERHUTANAN 2015 DENGAN KERJASAMA GEGAR 2015	7
• MAJLIS PERASMIAN KURSUS PERALIHAN SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN GRED G17 KE SKIM PERALIHAN RENJER HUTAN/PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27	8
• KURSUS PEMANTAPAN PENGECAKAN POKOK DALAM SENARAI DAFTAR MEMBANCI PEMULIHAN 2015 (RS LIST 2015)	8
• BENGKEL PENGURUSAN SISTEM E-MMFR BERSAMA AGENSI REMOTE SENSING MALAYSIA (ARSM)	9
• PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS SIRI KEDUA	10
• MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2014 DAN PESARA 2015, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK	11
• KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN KRITERIA DAN PETUNJUK MALAYSIA UNTUK PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN (HUTAN ASLI) MC&I (HUTAN ASLI) JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	12
• BENGKEL TATACARA PENGISIAN PENYATA SHUTTLE 2 (LESEN, LESEN KECIL, DAN LESEN PEMINDAH)	12
• PENGESAHAN SPESIES DAMAR HITAM (<i>SHOREA KUANTANENSIS</i>)	13
• BENGKEL PENGECAKAN DAN PEMELIHARAAN SPESIES DIPTEROKarpa TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/ BERUNIFORM TAHUN 2015 (ZON UTARA)	14
• SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2015	15
• LAWATAN KERJA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA KE JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	15
• BENGKEL HRMIS BAGI PEGAWAI LANTIKAN BAHRU, IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	16
• KURSUS TATACARA PEMANDUAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) DAN TATACARA PENGURUSAN KENDERaan BAGI PEMANDU IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (IPJPSM)	16
• SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2015 & PROGRAM KEMBARA RIMBA BERSAMA YAB MENTERI BESAR PERAK	17
• KURSUS PEMAHAMAN KEPADA PERUNDANGAN BERKAITAN PERHUTANAN 2015	18
• PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SIRI 1 TAHUN 2015 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	19
• PROGRAM MENDAKI GUNUNG ARONG SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA BERSAMA PENGAKAP PENDIDIKAN KHAS (5TH MALAYSIA INTERNATIONAL AGOOONOREE 2015)	19
• MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA KALI KE-44 PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2015 ANJURAN BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN DAN MAJLIS DAERAH PASIR MAS	20
• MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN APRESIASI PESARA 2015 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	21
• PENGUTIPAN ANAK LIAR BAGI PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS	22
• LENSA JPSM	24



MESYUARAT DAN LAWATAN TAPAK PROJEK KHAS ASEAN SUMMIT 2015

Disediakan oleh: Mohd Saman bin Mohd Sanget, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

LANGKAWI, 2 JANUARI 2015 - Pejabat Perhutanan Daerah Kedah Utara (Langkawi) telah menjadi tuan rumah mesyuarat dan lawatan tapak Projek Khas ASEAN Summit 2015 yang dipengerusikan YB. Puan Sabrina Binti Mohd Noor, Pengurus Jawatankuasa Sains dan Inovasi, Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi Negeri Kedah. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan isu pembinaan menara telekomunikasi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan CELCOM di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) tanpa kebenaran Pengarah Perhutanan Negeri Kedah dan Pihak Berkuasa Negeri.

Sehubungan dengan itu, dalam mesyuarat ini, Penolong Pemelihara Hutan, Pejabat Perhutanan Daerah Kedah Utara (Langkawi) telah memberikan makluman dan latar belakang mengenai pembinaan menara telekomunikasi ini yang sepatutnya mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Pengarah Perhutanan Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri dengan syarat-syarat dan peraturan sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Akta Perhutanan Negara 1984, Pindaan 1993

(Pemakaian 1985) dan Kadar-Kadar bagi Kaedah-Kaedah Hutan 1989 (Pindaan 2014).

Lawatan tapak turut diadakan pada 3 Januari 2015 di dua (2) lokasi berisiko iaitu di Hutan Simpan (HS) Machincang dan HS Pulau Dayang Bunting, Pulau Langkawi. Sebarang permohonan dan rayuan mengenai penahanan kerja yang dijalankan akan dikemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri untuk makluman dan perhatian selanjutnya.



▲ Mesyuarat sedang berlangsung.

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI TAHUN 1436H/2015M

Disediakan oleh: Kamal Kusyairi bin Abd Ghani
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM

Sambutan kali ini telah disertai oleh 149 kontinjen yang membabitkan pasukan daripada Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta, Badan Beruniform, Sekolah-sekolah, Institut Pengajian Tinggi dan Badan Bukan Kerajaan (NGOs). Dalam pada itu, seramai 67 orang peserta kontinjen Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) diketuai oleh Tuan Hj. Ramli bin Mat, Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Perlindungan dan Pengembangan), Bahagian Ladang dan Perlindungan Hutan (BLH).

Peserta-peserta telah berkumpul untuk solat subuh berjemaah di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan memulakan perarakan sambil berselawat sejauh 1.8 kilometer bermula di hadapan bangunan Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya melalui Persiaran Perdana menuju ke Masjid Putra. Program sambutan tahunan yang dianjurkan ini bertujuan untuk memperingati hari kebesaran ini. Program ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada umat Islam secara amnya dan mempertingkatkan rasa cinta, memahami dan mengambil iktibar dari sirah kelahiran Nabi Muhammad S.A.W serta mempraktikkan segala amalan yang diamalkan oleh Baginda dalam kehidupan sehari-hari.



▲ Kontinjen IPJPSM sedang menyertai perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan dengan memperkenalkan pakaian seragam berbaju melayu biru.

PUTRAJAYA, 3 JANUARI 2015 - Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M bertemakan 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara' telah berlangsung di Masjid Putra, Putrajaya pada 3 Januari 2015. Sambutan ini dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

MAJLIS MEMPERBAHARUI IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Disediakan oleh: Nur A'in binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



IPOH, 8 JANUARI 2015 - Permulaan lembaran tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah mengadakan Majlis Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam dan Perhimpunan Bulanan Bil.1/2015 yang bertempat di Dewan Rimbawan, JPNP. Seramai hampir 300 orang kakitangan Jabatan dari pelbagai gred telah menghadiri majlis tersebut termasuklah

Pegawai Kanan, Renjer Hutan, Pembantu Tadbir, Pengawas Hutan dan Pembantu Awam. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Haji Razali bin Othman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu Perkhidmatan Awam dan lagu Warisan Hijau yang diketuai oleh Pasukan Koir Bayu Rimba, JPNP. Acara diteruskan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh En.Izwandy bin Azizan, Penolong Pegawai (Siasatan) bagi memberkati majlis dan diikuti dengan ucapan aluan daripada YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak. YBhg. Dato' Haji Razali bin Othman turut menyampaikan ucapan sekaligus merasmikan majlis tersebut. Seterusnya, En. Khairulrizal bin Abu Kassim, Renjer Hutan Tingkatan Kanan telah mengetuai bacaan ikrar perkhidmatan awam bagi tahun 2015. Selesai acara bacaan ikrar, majlis diteruskan dengan persembahan multimedia rentetan peristiwa-peristiwa penting dan pencapaian cemerlang JPNP sepanjang tahun 2014. Diharapkan agar pencapaian yang dikehendaki sepanjang tahun 2014 mampu dikekalkan malah dipertingkatkan lagi agar JPNP terus cemerlang di masa hadapan.



▲ Penerima-penerima anugerah pekerja terbaik bulanan bergambar kenangan bersama YBhg. Dato' Haji Razali bin Othman, YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Dr. Mohd Hizamri bin Yassin dan Tuan Haji Mohamed Ali bin Haji Hawari.



▲ Acara menandatangani Sijil Aku Janji Pelaksanaan Projek Pembangunan dan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi Tahun 2015 oleh Pegawai-Pegawai Kanan.

PROGRAM SUMBANGAN BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI JAJAHAN TANAH MERAH

Disediakan oleh: Kartina binti Yusof, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

TANAH MERAH, 10 JANUARI 2015 - Ahli Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bersama Pertubuhan Ikram Putrajaya yang terdiri daripada pegawai-pegawai perubatan seramai 20 orang telah memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Kg. Paloh, Tanah Merah. Sehubungan dengan itu, Sekolah Arab Rahmaniah, Tanah Merah dijadikan tempat pengumpulan dan pengagihan barang-barang sebelum diagihkan kepada mangsa banjir. Di samping itu, selain daripada memberi sumbangan kepada mangsa banjir, mereka juga membantu membersihkan masjid dan surau. Program ini adalah bertujuan untuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana banjir pada Disember 2014. Sumbangan yang dihilurkan adalah peralatan dapur seperti tong gas, minyak masak, telur, gula, beras dan sebagainya. Dengan sumbangan yang diberikan kepada mangsa banjir tersebut diharap dapat meringankan beban mereka.



▲ Taklimat Oleh Pengetua Sekolah Agama Rahmaniah, Tanah merah.



▲ Penyerahan Sumbangan Kepada Penduduk Kampung Paloh, Tanah Merah.



▲ Barang-Barang Sumbangan.



▲ Pengagihan Barang-Barang.

MAJLIS RESEPSI PERKAHWINAN KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2014

Disediakan oleh: Nur A'in binti Chek Mustafa, Jabatan Perhutanan Negeri Perak



▲ Acara menepung tawar yang disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Saarani bin Mohamad.



IPOH, 19 JANUARI 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) sekali lagi berkesempatan meraikan kakitangan yang telah melangsungkan perkahwinan sepanjang tahun 2014. Majlis resepsi ini telah menjadi salah satu tradisi dan tahun 2014 merupakan tahun yang ketiga JPNP meraikan hari bersejarah kakitangan. Ia merupakan salah satu usaha untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain menerusi semangat bergotong-royong dalam memastikan majlis ini berjalan dengan lancar. Konsep dan tema majlis pada tahun ini adalah "rimba" iaitu tumbuhan hutan yang tumbuh meliar dijadikan sebagai hiasan

pelamin. Seramai 13 pasangan pengantin telah diraikan dalam majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan perarakan pasangan pengantin bersama irungan paluan kompong dan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Mohd Shahril bin Hj. Abd. Rashid, Pegawai Hutan Daerah Perak Selatan. Majlis diteruskan dengan acara menepung tawar yang disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Saarani bin Mohamad, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan diiringi YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah

Perhutanan Negeri Perak serta tetamu kehormat yang lain. YB. Dato' Saarani bin Mohamad turut menyampaikan ucapan tahniah kepada para pengantin dan diharapkan agar kehidupan berumahtangga ini dapat dijadikan salah satu pendorong semangat untuk terus maju dalam kerjaya yang diceburi. Turut hadir sama memeriahkan majlis ialah Datin Seri Nor Hasmah binti Mohamad, isteri kepada YB Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan YB Dato' Haji Mohd Gazali bin Jalal, Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan.



▲ Perarakan 13 pasangan pengantin disambut dengan meriah dengan diiringi paluan kompong.



▲ Ucapan aluan yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak.



▲ Turut meluangkan masa memeriahkan majlis ialah Datin Seri Nor Hasmah binti Mohamad, isteri kepada YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

PROGRAM BANTUAN BANJIR

Disediakan oleh: Suffiyyan bin Hassan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KUALA KRAI, 22 JANUARI 2015 - Program Bantuan Banjir Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan di Jajahan Kuala Krai, Kelantan telah diadakan di Taman Perumahan Kos Rendah Sungai Durian, Kuala Krai pada 22 Januari 2015. Program ini diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Zahari bin Ibrahim, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan disertai oleh 23 pegawai dan kakitangan Pejabat Perhutanan Negeri, Kota Bharu dan 25 pegawai dan kakitangan Pejabat Hutan Jajahan Kelantan Timur.

Taman Perumahan Kos Rendah Sungai Durian, Kuala Krai adalah merupakan kawasan yang terjejas teruk akibat banjir besar yang melanda Negeri Kelantan pada 24 hingga 28 Disember 2014. Kawasan ini ditenggelami air banjir di antara 2 meter hingga 3 meter. Program yang diadakan ini diharap sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban penderitaan para penduduk.

Kehadiran rombongan Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan di Taman Perumahan Kos Rendah Sungai Durian, Kuala Krai kira-kira jam 9.30 pagi disambut oleh pemimpin dan penduduk setempat dengan penuh rasa kegembiraan dan kesyukuran. Acara dimulakan dengan majlis penyampaian bantuan beras kepada kira-kira 189 ketua keluarga yang mendiami kawasan perumahan tersebut.

Kira-kira jam 12.30 tengahari, rombongan Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan bertolak ke Pejabat Renj Hutan Manek Urai untuk meninjau dan melawat keadaan pejabat yang terjejas teruk akibat banjir. Rombongan ini berpecah kepada dua (2) kumpulan di mana Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan mengetuai kumpulan ke Kg. Sungai Miok untuk menyampaikan bantuan kelengkapan untuk membaiki rumah penduduk manakala kumpulan kedua yang diketuai oleh Pemungut Hasil Hutan telah memasuki Kg. Manek Urai Baru untuk menyampaikan sumbangan kepada para penduduk.



▲ Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan Memberi Sumbangan Kepada Mangsa Banjir.



▲ Bantuan zink (atap).



▲ Bantuan Kepada Mangsa Banjir.



▲ Gotong-royong oleh kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

PELAKSANAAN UJIAN KHAS KEPADA RENJER HUTAN DAN PENGAWAS HUTAN, JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Hamidi Bin Abd. Halim
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



KEPONG, 10 FEBRUARI 2015 - Dua siri Ujian Khas kepada pegawai daripada skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G27 dan Pengawas Hutan Gred G17 telah diadakan pada 10 hingga 11 Februari 2015 dan 17 hingga 18 Februari 2015 di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong. Ujian Khas ini melibatkan semua pegawai yang telah memilih terima skim perkhidmatan baru menerusi penguatkuasaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014.

Ujian Khas ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Kertas I melibatkan pengecaman 50 spesimen herbarium dari Kaum Dipterokarp, Bukan Dipterokarp dan spesies rotan. Bagi Kertas II, ia melibatkan pengecaman 50 spesimen isi kayu yang terdiri daripada kumpulan Kayu Keras Berat, Kayu Keras Sederhana, Kayu Keras Ringan, Kayu Eksotik dan Kayu Lembut. Semua sampel yang digunakan dalam Ujian Khas ini telah dikelaskan sebagai bahan peperiksaan Jabatan dan diperakui oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan Ujian Khas ini bertujuan untuk menilai kompetensi pegawai dalam mengecam spesimen herbarium dan spesimen isi kayu yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam urusan kerja harian. Mengikut rekod kehadiran, sebanyak 96 peratus pegawai telah hadir ke Ujian Khas ini yang terdiri daripada 1,359 orang Pengawas Hutan Gred G17 dan 179 orang Renjer Hutan Gred G27 dari seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.

▲ Ujian Pengecaman Spesimen Herbarium kepada Pengawas Hutan Gred G17 sedang berlangsung.



◀ Salah seorang Renjer Hutan sedang mengecam spesimen isi kayu.

YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia memberi pandangan mengenai pelaksanaan Ujian Khas.



MAJUTAN



KEJOHANAN FUTSAL PERHUTANAN 2015 DENGAN KERJASAMA GEGAR 2015

Disediakan oleh: **Suffiyyan bin Hassan**
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KOTA BHARU, 28 FEBRUARI 2015 - Kejohanan Futsal Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan 2015 dengan kerjasama Gegar 2015 telah diadakan pada 28 Februari 2015 di Orbit De Futsal, Kota Bharu bermula jam 9.00 pagi hingga 6.30 petang. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi).

Kejohanan Futsal Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan 2015 telah berlangsung dengan jayanya. Penyertaan 22 pasukan yang bertanding adalah yang paling besar dalam sejarah penganjurannya. Kehadiran Gegar 2015 yang bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah memeriahkan kejohanan dengan membawa bersama pemain-pemain bola sepak Liga Super Kelantan untuk beramah mesra dan bergambar dengan pegawai dan kakitangan jabatan yang hadir. Antara pemain *The Red Warriors* yang hadir ialah Mohd Nor Farhan bin Muhamad, Hafiz Zamani bin Misbah, Mohd Fitri bin Omar, Zairul Fitree bin Ishak, Mohd Noor Hazrul bin Mustafa dan Ahmad Fakri bin Shahrani. Kejohanan ini perlu diadakan setiap tahun bagi memenuhi kalendar aktiviti PEKSPER Kelantan dan kejohanan ini mendapat sambutan baik daripada pegawai dan kakitangan jabatan.



▲ Barisan Pemain Futsal Wanita JPNK dan Pemain Bola Sepak Kelantan.



▲ Barisan Pemain Futsal Wanita JPNK dan Gegar 2015.



▲ Barisan Pemain Futsal Lelaki.



▲ Barisan Pemain Futsal Lelaki.

MAJLIS PERASMIAN KURSUS PERALIHAN SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN GRED G17 KE SKIM PERALIHAN RENJER HUTAN/PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G27

Disediakan oleh: Muhammad Hafidz bin Abdullah, Bahagian Latihan Perhutanan, IPJPSM

KEPONG, 2 MAC 2015 - Majlis Perasmian Kursus Peralihan Skim Perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17 kepada Skim Peralihan Penolong Pemelihara Hutan Gred G27 telah diadakan pada 2 Mac 2015 bertempat di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan (BLP), Kepong. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Renjer Hutan yang bersetuju dengan ketetapan Kerajaan Malaysia untuk menambahbaik Skim Perkhidmatan Renjer Hutan dan Pengawas Hutan sedia ada. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014, skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17, G22, G26 dan Penolong Pemelihara Hutan

Gred G27, G32, G36 dijadikan skim perkhidmatan bersepadu Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan Gred G17, G22, G26, G27/G28, G32, G36. Manakala skim perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G11, G14 dijadikan skim perkhidmatan bersepadu iaitu Pengawas Hutan Gred G11, G14, G17/G18, G22, G26.

Penambahbaikan ini dilaksanakan selaras dengan perubahan skop fungsi tugas, pengiktirafan Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang diiktiraf setaraf dengan STPM serta menambahbaik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai. Tambah beliau, ini adalah merupakan satu pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia kepada JPSM dalam usaha membangunkan masa depan modal insan sedia ada ke arah kecemerlangan. Justeru itu, seramai 92 orang Renjer Hutan

akan menjalani kursus ini selama 6 bulan bermula 1 Mac hingga 31 Ogos 2015 di BLP, Kepong dan di Jabatan Perhutanan Negeri.



▲ YBhg. Dato' Sri. Dr. KPPSM bersalaman bersama peserta kursus.



▲ Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

KURSUS PEMANTAPAN PENGECAMAN POKOK DALAM SENARAI DAFTAR MEMBANCI PEMULIHAN 2015 (RS LIST 2015)

Disediakan oleh:

Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



▲ Sesi Bergambar bersama Penceramah, Para Peserta dan Urus setia Kursus Pemantapan Pengecaman Pokok Dalam Senarai Daftar Membanci Pemulihan 2015 (RS LIST 2015).



▲ Sesi Teori bagi Pengenalan kepada Pengecaman Spesies Dalam Senarai Daftar Membanci Pemulihan 2015 (RS LIST 2015) yang disampaikan oleh Encik Mohd Nasir bin Mohd iaitu Penolong Pegawai Kanan, Siasatan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

KUANTAN, 3 MAC 2015 - Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pengecaman Pokok Dalam Senarai Daftar Membanci Pemulihan 2015 (RS LIST 2015) pada 3-5 Mac 2015 bertempat di Pusat Latihan Pembangunan Hutan Belimbing, Kuantan, Pahang. Seramai 29 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Beruniform/ Pegawai Lapangan iaitu Renjer Hutan dan Pengawas Hutan Gred G27 dan ke bawah yang bertugas di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

telah menyertai kursus ini. Penceramah jemputan adalah Encik Mohd Nasir bin Mohd iaitu Pegawai d a r i p a d a J a b a t a n Perhutanan Negeri Pahang dan Encik Salleh

bin Endut iaitu Renjer bersara Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan pengecaman spesies pokok terutama yang tersenarai di dalam RS LIST 2015 yang telah dicadangkan.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta kursus mengenai spesis pokok dalam cadangan Senarai Daftar Membanci Pemulihan 2015 (RS LIST 2015).

Kursus selama tiga (3) hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal terhadap spesies dalam cadangan RS LIST 2015. Para peserta telah dibawa ke lapangan iaitu di Hutan Lipur Sungai Pandan dan Hutan Simpan Bekelah, Pahang. Pada hari terakhir kursus ini, satu ujian penilaian pengecaman spesies RS LIST 2015 telah dijalankan bagi menguji kefahaman dan daya ingatan para peserta. Secara keseluruhannya, pihak pengajar berpendapat bahawa objektif kursus ini telah tercapai berdasarkan kepada beberapa komen positif daripada peserta yang menyatakan kursus ini memuaskan dan sangat berguna kepada mereka. Walau bagaimanapun beberapa cadangan juga telah direkodkan, antaranya adalah supaya kursus ini diteruskan lagi pada masa akan datang dan tempoh kursus dipanjangkan.



BENGKEL PENGURUSAN SISTEM E-MMFR BERSAMA AGENSI REMOTE SENSING MALAYSIA (ARSM)

Disediakan oleh: Nur A'in binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



▲ Antara peserta JPNPk yang menyertai Bengkel E-MMFR.



▲ Penceramah dari wakil Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) memberikan taklimat.



▲ En. Azni Rahman bin A.Wahid, Penolong Pengarah (Perancangan & Pengurusan) turut memberi taklimat dalam Bengkel E-MMFR.

IPOH, 4 MAC 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah mengadakan Bengkel Pengurusan Sistem E-MMFR Siri 2/2015 bertempat di Bangunan Perak Techno Trade Centre (PTTC), Meru, Ipoh, Perak. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi latihan lanjutan penggunaan Sistem E-MMFR kepada kakitangan JPNPk supaya maklumat sumber hutan dapat diseragamkan dan proses mengemaskini

data dapat dilakukan dengan cepat dan tepat.

Seramai 30 orang kakitangan JPNPk dari pelbagai gred telah menyertai bengkel tersebut. Secara keseluruhannya, pihak pengajur berpendapat bahawa pelaksanaan kursus ini telah mencapai matlamat yang disasarkan berdasarkan kepada maklum balas positif yang diberikan kepada para peserta. Walau bagaimanapun, bengkel ini harus dilaksanakan dengan lebih kerap agar semua kakitangan JPNPk berpengetahuan dan mahir dalam penggunaan teknologi terutamanya Sistem E-MMFR.



▲ Penyerahan sijil penyertaan kepada peserta Bengkel E-MMFR.

PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS SIRI KEDUA

CAMERON HIGHLANDS, 7 MAC 2015 – Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menganjurkan Program Penghijauan Cameron Highlands Siri Kedua. Program ini telah berlangsung selama dua (2) hari bertempat di Kompartmen 5, Hutan Simpan Gunung Siku, Cameron Highlands yang berkeluasan ±3.0hektar. Tujuan program ini adalah untuk memulihara Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan terosot melalui program seperti ini bagi mengembalikan semula kegemilangan Cameron Highlands sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi Negara.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 8 Mac 2015. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan hampir 700 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dan wakil daripada Kementerian/ jabatan/ agensi

berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri, badan-badan bukan kerajaan (NGOs) seperti Pertubuhan Perlindung Khazanah Malaysia (PEKA), Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (REACH), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET) dan Recycle Community Malaysia (RCOMM) serta pelajar universiti, sekolah dan masyarakat setempat. Turut hadir bersama semasa program ini diadakan ialah YBhg. Dato' Sri Zol Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha, NRE, YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Haji Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II (Pengurusan Alam Sekitar) dan YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Penganjuran program ini juga merupakan kesinambungan daripada Program Penghijauan Cameron Highlands Siri Pertama

yang juga turut dirasmikan oleh YB. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun lalu iaitu 30 September 2014 bertempat di Hutan Simpan Terla B.

Seterusnya, sebanyak 3,000 pokok telah berjaya ditanam pada program tersebut. Antara spesies pokok yang ditanam adalah Podo Kebal Musang (*Nageia wallichiana*), Rhu Bukit (*Gymnostoma sumatranum*), Damar Minyak (*Agathis borneensis*), Meranti Bukit (*Shorea platyclados*), Gerok (*Exbucklandia populnea*) dan Tecoma (*Tabebuia Pentaphylla*). Antara pengisian program ialah taklimat dan demonstrasi *Hydro Mulching* dan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV). Di samping penanaman pokok terdapat juga penanaman 5,000 *tiller* rumput vetiver oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

Secara keseluruhan, output daripada program ini telah dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada peserta-peserta yang hadir.



▲ YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama kakitangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sempena upacara penanaman pokok bagi Program Penghijauan Cameron Highlands.



▲ YBhg. Dato' Mohd Paiz bin Kamruzaman, Pengarah Perhutanan Pahang bersama peserta-peserta yang turut hadir sempena upacara penanaman pokok bagi Program Penghijauan Cameron Highlands.



▲ YBhg. Dato' Sri Zol Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) (kiri) bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (kanan) dan menanam pokok Podo (*Podocarpus spp.*) sempena upacara penanaman pokok bagi Program Penghijauan Cameron Highlands.



▲ YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bergambar bersama-sama dengan peserta yang turut serta sempena upacara penanaman pokok bagi Program Penghijauan Cameron Highlands.

MAJUTAN

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2014 DAN PESARA 2015, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK.

Disediakan oleh: Nur A'in binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



▲ Ucapan perasmian daripada YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



▲ Ucapan aluan yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak.



▲ Antara kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2014.



◀ Pelancaran buku *Management and Diversity of Peat Swamp Forest in Peninsular Malaysia* yang merupakan hasil karya penulisan tesis Ijazah Kedoktoran Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin, Timbalan Pengarah (Pembangunan).

IPOH, 9 MAC 2015 -
Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Tahun 2014 dan Pesara 2015 serta Perhimpunan Bulanan Bil.3/2015 bertempat di Dewan Rimbawan, JPNP. Majlis APC yang dianjurkan secara tahunan ini merupakan penghargaan kepada warga JPNP yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang berkualiti cemerlang.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tahniah dan syabas diucapkan kepada 60 penerima APC tahun 2014. Diharapkan agar pencapaian cemerlang ini dapat diteruskan di masa akan datang dan menjadi sumber inspirasi kepada kakitangan yang lain untuk lebih berusaha dalam merealisasikan hasrat dan wawasan Jabatan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga turut diberikan kepada 12 orang warga jabatan yang telah dan akan menamatkan perkhidmatan pada tahun 2015. Segala komitmen dan pengorbanan yang telah dicurahkan sepanjang mereka berkhidmat kepada Jabatan khususnya kepada Kerajaan Negeri Perak amat dihargai.

Setelah selesai majlis penyampaian APC dan penghargaan kepada para pesara, acara diteruskan dengan persembahan multimedia peristiwa-peristiwa penting bagi bulan Februari 2015. Turut dilancarkan adalah buku *Management and Diversity of Peat Swamp Forest in Peninsular Malaysia* yang merupakan hasil kajian penulisan tesis Ijazah Kedoktoran Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin, Timbalan Pengarah (Pembangunan). Buku tersebut telah diterbitkan oleh seorang penerbit terkemuka dari negara Belanda. Ia mengupas aspek pengurusan dan kepelbagaiannya Hutan Paya Gambut di Semenanjung Malaysia yang merangkumi kepelbagaiannya dan keunikannya ekosistem global yang terancam dari aktiviti pembalakan, kegiatan pertanian, akuakultur dan pembangunan. Buku ini telah dijual secara online di laman web www.amazon.com dengan harga \$100 US Dollar senaskah.

KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN KRITERIA DAN PETUNJUK MALAYSIA UNTUK PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN (HUTAN ASLI) MC&I (HUTAN ASLI) JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Kamal Kusyairi bin Abd Ghani

Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM



◀ Sesi bergambar para peserta dan urusetia kursus bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Peserta Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kriteria dan Petunjuk Malaysia Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (Hutan Asli).



KOTA BHARU, 10 MAC 2015 - Seksyen Pensijilan Hutan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, Ibu

Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kriteria dan Petunjuk Malaysia Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (Hutan Asli) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bertempat di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan. Kursus ini dihadiri seramai 27 peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Hutan Daerah Gred G41, Penolong Pengarah Gred G41 dan Penolong Pengarah Kanan Gred G44 dari seluruh Semenanjung Malaysia.

Tujuan Kursus ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan amalan pengurusan dan pembangunan hutan di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Selain itu, taklimat ini juga bertujuan memastikan kelemahan-kelemahan yang masih ada diatasi sepenuhnya bagi memastikan jabatan berjaya menghampiri pencapaian Zero CARs dalam pensijilan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia. Pada malam 11 Mac 2015 telah berlangsung Majlis Makan Malam bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM telah menyampaikan amanat beliau kepada peserta-peserta kursus dan juga perbincangan secara terbuka bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Pada hari terakhir kursus ini peserta kursus telah membentangkan penemuan-penemuan ketidakakuruan yang dijumpai semasa latihan amali di lapangan sebagai pembelajaran dan perbincangan bersama fasilitator.

BENGKEL TATACARA PENGISIAN PENYATA SHUTTLE 2 (LESEN, LESEN KECIL DAN LESEN PEMINDAH)

KUALA LUMPUR, 11 MAC 2015 - Seksyen Ekonomi Hutan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan telah menganjurkan Bengkel Tatacara Pengisian Penyata Shuttle 2 (Lesen, Lesen Kecil, dan Lesen Pemindah) di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Bengkel ini dihadiri seramai 68 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan pelbagai gred semua Pejabat Hutan Daerah, Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi penerangan, pendedahan dan pemahaman serta teknik pengisian maklumat mengikut format yang telah ditambahbaik supaya data yang diterima adalah tepat dan berkualiti untuk kegunaan penerbitan dan bagi memenuhi permintaan data daripada agensi kerajaan mahupun swasta.

Disediakan oleh: Khairunnisa binti Khaidir dan Yumarnis binti Riasmi
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM

Penceramah bengkel ini adalah Puan Khairunnisa binti Khaidir, Perangkawan dari Seksyen Ekonomi Hutan dan Puan Poh Lye Yong, Ketua Seksyen Ekonomi Hutan adalah sebagai moderator. Turut hadir ialah Tn. Hj. Saleh bin Awaludin, Ketua Seksyen Khidmat Perunding dan Jaminan Kualiti, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan bagi mewakili Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan menyampaikan kata-kata aluan dan seterusnya merasmikan bengkel ini. Sepanjang bengkel ini dijalankan, para peserta diberi peluang untuk memberikan maklum balas secara terbuka bagi mendapatkan penerangan dan pemahaman yang lebih jelas terhadap pengisian borang Penyata Shuttle 2 tersebut.




▲ Moderator dan penceramah Bengkel.



▲ Para peserta bengkel.



▲ Maklum balas secara terbuka oleh peserta bengkel.



KUALA TERENGGANU, 11 MAC 2015 - Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah menjalankan lawatan lapangan dan mesyuarat bagi pengesahan spesies Damar Hitam (*Shorea kuantanensis*) yang diketuai oleh Tn. Hj. Mohd. Nasir bin Abu Hassan, Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan.

Program pengesahan spesies ini dijalankan berikutan penemuan pokok yang disangkakan *Shorea kuantanensis* oleh En. Mohd Nasir bin Mohd (JPN Pahang) dan En. Salleh bin Endot (JPN Terengganu) pada tahun 2014 yang mana spesies ini telah dilaporkan pupus di Semenanjung Malaysia seperti yang dilaporkan dalam *Research Pamphlet No. 129 : Malaysia Plant Red List* terbitan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) tahun 2010.

Lawatan lapangan yang telah diadakan pada 11 Mac 2015 di Hutan Lipur Lata Tembakah telah dihadiri oleh beberapa pakar dalam pengenalan kepada spesies pokok seperti Dr. Lilian Chua (FRIM), Prof. Madya Dr. Mohd. Nazre bin Salleh (UPM), En. Jeffri bin Abd. Rashid (IPJPSM), En. Mohd. Nasir bin Mohd (JPN Pahang) dan En. Salleh bin Endot (JPN Terengganu). Lawatan lapangan tersebut juga telah dihadiri oleh Tn. Hj. Azmi bin Nordin, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu (JPN Terengganu) berserta Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu, Tn. Hj. Mohd. Fauzi bin Abu Bakar dan beberapa pegawai dari JPN tersebut. Bagi mendapatkan sampel daun hijau pokok tersebut JPN Terengganu telah menghantar pasukan memanjat yang diketuai oleh Pengawas Hutan Tingkatan Biasa (PHTB) En. Zulkifli bin Embong semasa lawatan tersebut dijalankan. Lawatan lapangan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan sampel daun hijau dan daun kering serta melihat ciri-ciri yang terdapat pada pokok tersebut bagi tujuan pengesahan.

Mesyuarat Pengesahan Spesies Damar Hitam (*Shorea kuantanensis*) telah diadakan pada 12 Mac 2015 di bilik Mesyuarat, Tingkat 8, Wisma Negeri, JPN Terengganu. Mesyuarat ini diadakan bertujuan bagi membincangkan hasil lawatan dan pengesahan spesies *Shorea kuantanensis*. Hasil mesyuarat tersebut mendapati pokok yang dijumpai di Lata Tembakah tersebut tidak dapat disahkan sebagai *Shorea kuantanensis* kerana ciri-ciri yang terdapat pada daun pokok tersebut mempunyai perbezaan dengan sampel daun asal *Shorea kuantanensis* dan ciri-ciri buah mempunyai persamaan berbanding sampel buah asal.

PENGESAHAN SPESIES DAMAR HITAM (*SHOREA KUANTANENSIS*)

Disediakan oleh: Nuazri bin Sedik

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



▲ Ahli Mesyuarat bersama Pasukan Memanjat Negeri Terengganu.



▲ Ahli Mesyuarat mendengar ulasan hasil pemerhatian di lokasi pokok dijumpai.



▲ Ahli Mesyuarat membuat perbandingan sampel asal *Shorea kuantanensis* berbanding sampel pokok yang ditemui.



▲ Sampel daun hijau yang diambil dari pokok di Lata Tembakah, Besut Terengganu.



▲ Sampel daun kering yang diambil dari pokok di Lata Tembakah, Besut Terengganu.

Batang pokok yang dijangkakan *Shorea kuantanensis* yang dijumpai di Lata Tembakah, Besut Terengganu.



▲ Mesyuarat Pengesahan Spesies *Shorea kuantanensis* yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.

BENGKEL PENGECAKAN DAN PEMELIHARAAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/BERUNIFORM TAHUN 2015 (ZON UTARA)

Disediakan oleh: Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi, Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



▲ Sesi bergambar penceramah, para peserta dan urus setia bengkel.

TAIPING, 13 MAC 2015 - Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) sekali lagi telah menganjurkan Bengkel Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai Lapangan/Beruniform Tahun 2015 bagi Zon Utara pada 13-17 Mac 2015 bertempat di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Perak. Bengkel ini dilaksanakan khas kepada Pegawai di lapangan dan Beruniform bagi Zon Utara iaitu Negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Bengkel ini mendapat sambutan yang mengalakkkan dengan jumlah peserta seramai 37 orang.

Penceramah jemputan iaitu pegawai daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang iaitu Encik Mohd Nasir bin Mohamad dan Encik Salleh bin Endut yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang berkaitan spesies tumbuhan terancam. Bengkel pada

kali ini turut dibantu oleh fasilitator iaitu Renjer Kanan Aziz bin Mamat, Renjer Kanan Anuar bin Wok, Encik Shamsu Bahri bin Ishak dan juga pasukan pemanjat JPN Pahang iaitu Encik Amidun bin Abdul Talib, Encik Azmi bin Mohamed dan Encik Hafizan bin Hamzah.

Tujuan bengkel adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan status spesies tumbuhan terancam terutamanya kumpulan Dipterokarpa di Semenanjung Malaysia, memberi penekanan terhadap kaedah-kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa terancam di lapangan dan memberi pendedahan dalam meningkatkan tahap ilmu perhutanan dalam bidang dendrologi dengan pengumpulan sampel herbarium akan disediakan sepanjang bengkel berlangsung.

Bengkel selama lima (5) hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori, praktikal di lapangan dan latihan di dalam kumpulan yang meliputi penyediaan spesies terancam dalam bentuk herbarium. Latihan amali pengecaman spesies terancam iaitu di Bukit Larut, UiTM Sri Iskandar dan Hutan Lipur Ulu Kenas. Sebanyak 19 spesies Dipterokarpa terancam yang telah ditemui seperti *Dipterocarpus perakensis* (Keruing Perak), *Shorea singkawang* (Meranti sengkawang merah), *Hopea latifolia* (Merawan daun bulat), *Vatica mangachapoi* (Resak julong), *Vatica odorata*

(Resak ranting kesat), *Anisoptera costata* (Mersawa kesat), *Vatica perakensis* (Resak puteh), *Dipterocarpus fagineus* (Keruing pipit), *Shorea curtisii Dyer ex King spp.*, *Grandis Ashton* (Meranti seraya daun besar), *Vatica flavigera* (Resak padi) dan lain-lain yang masing-masing termasuk di dalam kategori *Critically Endangered (CR)*, *Endangered (EN)*, *Vulnerable (VU)* dan *Data Deficient (DD)*.

Pada hari terakhir bengkel ini, satu ujian penilaian pengecaman spesies Dipterokarpa terancam telah dijalankan bagi menguji tahap pengecaman spesies terancam. Secara keseluruhannya, pihak pengajur berpendapat bahawa objektif kursus ini telah mencapai objektif berdasarkan kepada beberapa komen positif daripada peserta yang menyatakan kursus ini memuaskan dan sangat berguna kepada mereka.



▲ Sesi Teori bagi Penyediaan Herbarium oleh Encik Salleh bin Endut (Bekas Renjer Hutan Tingkatan Tertinggi, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu).



▲ *Hopea apiculata* (Giam melukut) - EN.



▲ Bunga *Dipterocarpus fagineus* (Keruing pipit) - VU.



▲ Daun dan isi kulit *Anisoptera costata* (Mersawa kesat) - VU.

MAJUTAN

SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2015

Disediakan oleh: Juliana binti Yahya, Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, IPJPSM



ALOR SETAR, 21 MAC 2015 - Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun di seluruh dunia. Tarikh ini merupakan simbolik kepada hari pertama bermulanya musim bunga di Hemisfera Utara di mana pokok-pokok mula bertunas semula dan menghijau setelah melalui tempoh dorman sepanjang musim sejuk. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 telah berlangsung pada 20-22 Mac 2015 di Taman Jubli Emas, Suka Menanti, Alor Setar, Kedah Darul Aman dengan tema sambutan Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat yang Pemilihan lokasi dan tema sambutan ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjayakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan serta

melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap persekitaran yang bersih, sihat dan nyaman.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 dijalankan selama tiga (3) hari dengan mengadakan Karnival Perhutanan 2015 yang berlangsung pada 20-22 Mac 2015. Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival tersebut seperti demonstrasi drone, pameran perhutanan, pemeriksaan kesihatan, pertandingan kesenian ayam serama, pertandingan melukis dan mewarna serta forum agama yang mendapat sambutan orang awam dari pelbagai peringkat umur dan masyarakat. Kemuncak Hari Hutan Antarabangsa dimeriahkan dengan Majlis Pelancaran Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah Darul Aman yang diiringi oleh YBhg. Dato Sri Dr. James Dawos Mamit, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Majlis pelancaran ini turut dijayakan dengan pelancaran buku *coffee table* ‘Permata Hijau di Pesisir Sungai Kedah’ oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah. Selaras dengan objektif utama sambutan, Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 juga dimeriahkan dengan aktiviti penanaman pokok spesies Gelam (*Melaleuca cajuputi*) dan Tecoma (*Tabebuia pentaphylla*) sebanyak 2,000 pokok. Pada majlis ini, masyarakat berpeluang bersama-sama menanam pokok dalam usaha mewujudkan suasana kehijauan di kawasan ini yang dapat dimanfaatkan oleh orang awam khususnya pengunjung Taman Jubli Emas.

Secara keseluruhannya, Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 telah berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif dalam menyemai dan menyemarakkan rasa cinta terhadap hutan dan menghargai kepentingannya ke arah mengekalkan kestabilan alam sekitar dan pembangunan sosio-ekonomi negara.

LAWATAN KERJA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA KE JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Yumarnis binti Riasmi, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 25 MAC 2015 - Seksyen Ekonomi Hutan, Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan (BPE) Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menerima kunjungan Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (BPPAS), Jabatan Perangkaan Malaysia bersempena Lawatan Kerja dan perbincangan bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Lawatan ini telah dihadiri seramai lima (5) orang pegawai daripada BPPAS dan lima (5) orang pegawai daripada BPE yang diketuai oleh Tn. Hj. Saleh bin Awaludin, Ketua Seksyen Khidmat Perunding dan

Jaminan Kualiti.

Tujuan lawatan BPPAS ini diadakan ialah bagi membincangkan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Persediaan Pelaksanaan Banci Ekonomi 2016;
- ii. Bilangan dan senarai pertubuhan (syarikat) berdaftar dalam industri pembalakan dan perhutanan;
- iii. Lawatan kerja luar ke Pejabat Perhutanan Negeri; dan
- iv. Perkembangan ekonomi semasa bagi sektor pembalakan dan perhutanan.

Hasil daripada lawatan tersebut telah memberikan maklum balas

yang positif dan mewujudkan kerjasama serta kesefahaman yang lebih erat antara JPSM dan Jabatan Perangkaan Malaysia dari segi perkongsian maklumat maupun data.



▲ Wakil JPSM bergambar kenangan bersama wakil pegawai Jabatan Perangkaan Malaysia.

BENGKEL HRMIS BAGI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU, IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Siti Nawwar binti Zainudin
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 6 APRIL 2015 - Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengadakan Bengkel HRMIS kepada semua Pegawai Lantikan Baharu bagi tahun 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Bengkel ini merupakan aktiviti tahunan Seksyen Pengurusan Sumber Manusia kepada pegawai-pegawai lantikan baharu.

Penceramah jemputan adalah Pegawai HRMIS daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Peserta yang hadir terdiri daripada pegawai lantikan baharu dan pegawai yang baru melapor diri ke IPJPSM iaitu 11 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Bengkel ini bagi memberi pendedahan mengenai sistem HRMIS dan aplikasinya.



▲ Sebahagian peserta bengkel sedang mendengar taklimat yang disampaikan dengan tenang.

KURSUS TATACARA PEMANDUAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) DAN TATACARA PENGURUSAN KENDERAAN BAGI PEMANDU IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (IPJPSM)

Disediakan oleh: Umi Khalsum binti Omar
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



JELEBU, 7 APRIL 2015 - Kursus Tatacara Pemanduan Pacuan Empat Roda (4x4) dan Tatacara Pengurusan Kenderaan bagi Pemandu Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diadakan pada

7 hingga 9 April 2015 bertempat di Taman Alam Liar Negeri, Jelebu, Negeri Sembilan. Perasmian kursus ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Kursus ini telah dihadiri semua pemandu di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap tatacara pemanduan pacuan empat (4) roda serta tatacara pengurusan kenderaan yang lebih berkesan dan mengenalpasti perkara-perkara yang ditekankan dalam pekeliling yang ditetapkan dari semasa ke semasa.



SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2015 & PROGRAM KEMBARA RIMBA BERSAMA YAB MENTERI BESAR PERAK

Disediakan oleh: Nur A'in binti Chek Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

LUMUT, 12 APRIL 2015 - Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2015 dan Program Kembara Rimba Bersama Menteri Besar Perak telah diadakan dengan jayanya pada 12 April 2015 yang bertempat di Arena Square Pangkor, Pasir Bogak, Pulau Pangkor. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak ini adalah bertemakan "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat" dan merupakan kesinambungan daripada sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 22 Mac 2015 yang lalu di Taman Jubli Emas, Suka Menanti, Alor Setar, Kedah Darul Aman yang dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir.



▲ Ucapan perasmian dari YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.

Majlis Sambutan Hari Hutan Peringkat Negeri Perak telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Turut hadir sama YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan, Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, YBhg. Dato' Shahrul Zaman bin Yahya dan Pengarah Perhutanan Negeri Perak, YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin. Dalam ucapan perasmian beliau menyatakan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) komited dalam melaksanakan program Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (SFM) yang mana sebahagian besar hutan telah dikekalkan malah di Pulau Pangkor misalnya, beberapa bukit dijadikan tarikan agar pelancong dapat merasai suasana alam semula jadi Hutan Hujan Tropika yang kaya dengan flora dan fauna. Sehingga 28 Februari 2015, keluasan hutan di Negeri Perak ialah 1.02 juta hektar atau 48.6 peratus

daripada jumlah keluasan tanah di negeri ini. Beliau juga menyarankan agar lokasi yang menarik di Pulau Pangkor dikaji bagi pembangunan ekopelancongan termasuk memasukkan unsur sukan lasak seperti berbasikal, *flying fox* dan *orienteering*.

YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr bin Abdul Kadir turut menyertai aktiviti kembara rimba bermula dengan berbasikal sebelum meneruskan dengan berjalan kaki bersama kakitangan JPNPK dan media di Hutan Simpan Pangkor sejauh 1.8 kilometer dan menanam 30 pokok dari spesies Merawan Siput Jantan. Kiranya hampir 500 orang pengunjung telah menyertai sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada kali ini. Pelbagai acara menarik telah diadakan terutamanya untuk pelajar sekolah seperti pameran, ceramah perhutanan, pertandingan *spelling bee*, pertandingan mewarna dan pertandingan *Cyclo-Hunt*.

JPNPK juga amat berbesar hati kerana sekali lagi dapat bekerjasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Perak yang telah menjadi media utama untuk menarik warganegara informasi berkaitan program ini khususnya kepada rakyat di negeri Perak. RTM Perak turut menyediakan aktiviti menarik antaranya kuiz berkaitan perhutanan.



▲ Paluan gong yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr bin Abdul Kadir adalah simbolik perasmian Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2015 dan Program Kembara Rimba Bersama Menteri Besar Perak.



▲ Perserta Cyclo-Hunt bergambar kenangan bersama YBrs. Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin dan Pegawai-Pegawai Kanan JPNPK.



▲ YBrs. Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin menyampaikan hadiah kepada pemenang program Cyclo-Hunt.



▲ YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak bersama YBrs. Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin, Timbalan Pengarah (Pembangunan) berada di konti Perak.FM untuk sesi wawancara.

KURSUS PEMAHAMAN KEPADA PERUNDANGAN BERKAITAN PERHUTANAN 2015

AYER KEROH, 13 April 2015 - Kursus ini telah dirancang untuk dilaksanakan memandangkan masih terdapat segelintir pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang masih belum didedahkan dengan undang-undang yang mempunyai kaitan dengan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 (APN), Enakmen Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedah serta Peraturan yang berkaitan.

Disediakan oleh:
Mohd Zulhilmi bin Mohd Radzi
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM

Kursus ini telah diadakan pada 13 hingga 16 April 2015 di Hotel Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka dengan menjemput penceramah-penceramah daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE), Jabatan Kebajikan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan penceramah dalaman telah disampaikan oleh Timbalan Pendakwaraya, IPJPSM. Seramai 48 orang peserta telah mengikuti kursus Pemahaman Kepada Perundangan Berkaitan Perhutanan 2015 dan semua peserta adalah terdiri daripada pegawai lantikan baru dan juga pegawai yang berpengalaman Gred G27 hingga G41.

Pendedahan dan meperingkatkan pemahaman pegawai-pegawai JPSM terhadap Akta-akta lain yang ada kaitan dengan pentadbiran dan pengurusan hutan dapat menentukan kecekapan penguatkuasaan di lapangan dan pendakwaan kes di mahkamah menjadi lebih berkesan. Kursus seumpama ini perlu diteruskan supaya semua pegawai JPSM berpeluang untuk mengikutinya.



▲ YBhg. Dato' Haji Nor Akhirrudin bin Mahmud hadir mewakili Dato' Sri Dr. KPPSM bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Kursus.

▼ Para peserta kursus yang terdiri daripada pegawai Gred G27 dan G41.



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SIRI 1 TAHUN 2015 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Ruhasmizan binti Mat Zain, Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

KEPONG, 14 APRIL 2015 - Bermula tahun 2015, enam (6) peperiksaan perkhidmatan Jabatan telah menggunakan sukatan peperiksaan baharu sepermula yang telah dimaklumkan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 9 Tahun 2015. Sukatan tersebut boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan www.forestry.gov.my. Peperiksaan ini merangkumi bahagian teori yang berkaitan perhutanan manakala bahagian amali yang merangkumi pengecaman daun, pokok, isi kayu dan pengendalian jentera berat.

Peperiksaan Perkhidmatan Siri 1 Tahun 2015 telah dilaksanakan bermula pada 14 April hingga 15 Mei 2015. Tujuan peperiksaan ini adalah untuk pengesahan jawatan pegawai bagi semua skim perkhidmatan yang ada di jabatan ini. Sebanyak empat (4) skim perkhidmatan dalam Siri 1 Tahun 2015 telah dijadualkan peperiksaannya iaitu Pengawas Hutan G17, Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan G27, Pemelihara Hutan G41 dan Pengajar Membalak G17. Daripada kesemua peperiksaan itu sebanyak 102 orang calon telah hadir untuk menjalani peperiksaan tersebut.



▲ Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan G27 (Bahagian Teori).



▲ Peperiksaan Perkhidmatan Pengajar Membalak (Bahagian : Pengecaman Kayu Balak).



▲ Peperiksaan Perkhidmatan Pengawas Hutan G17 (Bahagian Amali).

PROGRAM MENDAKI GUNUNG ARONG SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA BERSAMA PENGAKAP PENDIDIKAN KHAS (5TH MALAYSIA INTERNATIONAL AGOONOREE 2015)

Disediakan oleh: Zaharrudin bin Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 23 APRIL 2015 - Seramai kira-kira 450 orang peserta Pengakap Pendidikan Khas Agoonoree 2015 telah berjaya menawan puncak Gunung Arong setinggi 240 meter dari aras laut. Pendakian gunung tersebut bersempena Hari Hutan Antarabangsa bersama Pengakap Pendidikan Khas (5th Malaysia International Agoonoree 2015) yang telah diadakan di Sekakap, Mersing, Johor. Program ini telah dirasmikan oleh En. Mohd Rahim bin Rani (Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Johor).

Manakala daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) diketuai oleh Tn. Hj. Md. Amin bin Anis, Ketua Pengakap Johor oleh Tn. Hj. Yaakob bin Karim dan Ketua Unit Pendidikan Khas, JPN Johor oleh Tn. Hj. Ab Rahman bin Hamdan. Sebelum aktiviti pendakian dimulakan, acara menanam pokok sebagai simbolik Hari Hutan Antarabangsa telah diadakan disekitar tapak perkhemahan. Peserta program merasa seronok dan teruja semasa pendakian kerana dapat menikmati pemandangan yang indah dan melalui tempat-tempat yang mencabar. Pendakian dimulakan pada jam 10.30 pagi dan telah berakhir pada jam 4.30 petang dengan semua peserta selamat menamatkan aktiviti tersebut.



MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA KALI KE-44 PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2015 ANJURAN BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN DAN MAJLIS DAERAH PASIR MAS

Disediakan oleh: Suryani binti Mohd Nordin, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan



▲ Para tetamu kehormat yang hadir di majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa Kali Ke-44 Peringkat Negeri Kelantan bagi tahun 2015.

KOTA BHARU, 26 APRIL 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengadakan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Kali Ke-44 Peringkat Negeri Kelantan bagi tahun 2015 anjuran bersama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) di Pengkalan Ibrahim Pencen, Pekan Rantau Panjang, Kelantan.



▲ Kumpulan Dikir Barat.

Tema hari hutan pada tahun ini adalah "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat". Hutan merupakan khazanah alam yang amat berharga dan perlu terus dipulihara dan

diuruskan dengan cekap bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan Darul Naim.

Turut hadir ke majlis ini ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua Jajahan Majlis Daerah Pasir Mas, Gabenor Daerah Narathiwat, Thailand, Ketua-ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Persekutuan, Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-pengarah Bahagian, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM), Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Kakitangan MDPM dan penduduk-penduduk kampung di sekitar Pekan Rantau Panjang.

Tapak pelancaran Hari Hutan Antarabangsa kali ini dipilih di Pengkalan Ibrahim Pencen, Pekan Rantau Panjang di mana kawasan ini berada di pesisiran sepanjang Sungai Golok. Ia sebagai satu usaha dan komitmen Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penanaman pokok-pokok di kawasan berhampiran sungai bagi mewujudkan kawasan hutan dan penghijauan serta sebagai penampaian semulajadi kepada sebarang perubahan

fenomena alam persekitaran dan bencana banjir. Kawasan hutan yang wujud di sepanjang pesisiran sungai memainkan peranan yang amat penting kepada kesejahteraan penduduk pesisir yang tinggal berhampiran dengan sungai termasuk aspek sosio ekonomi, alam sekitar dan keselamatan. Di samping itu, ia juga merupakan lapisan zon semulajadi yang melindungi kawasan perbandaran berhampiran daripada bencana banjir dan limpahan air hujan yang lebat.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penganjuran Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan khususnya kepada MDPM dan warga Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan sambutan Hari Hutan pada kali ini.



▲ Barian VIP di atas pentas.



▲ Barisan Pegawai Kanan dan Tetamu.



▲ Pertukaran Anak Pokok Antara Malaysia dan Narathiwat, Thailand.



▲ Acara Penanaman Pokok Oleh Gabenor Sg. Golok, Narathiwat, Thailand.



▲ Gimik Perasmian.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN APRESIASI PESARA 2015 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Siti Nawwar binti Zainudin
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 28 APRIL 2015 - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah berjaya mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2014 dan Apresiasi Pesara tahun 2015 bertempat di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Majlis APC JPSM yang dianjurkan secara tahunan ini adalah merupakan satu majlis rasmi bagi menzahirkan penghargaan pihak pengurusan ke atas usaha dan kegigihan warga kerja perhutanan JPSM yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang. Penganjuran majlis ini juga seiring dengan hasrat dan aspirasi murni Kerajaan Malaysia dalam menghargai prestasi dan pencapaian anggota perkhidmatan awam. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha I (Pengurusan Sumber Asli) mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

dengan penuh berdedikasi dalam menerangkan khidmat bakti kepada JPSM. Ia juga menjadi pemangkin kepada rakan-rakan anggota warga kerja perhutanan yang lain untuk sama-sama berkhidmat, memperkasa dan merealisasikan wawasan JPSM untuk menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

Majlis apresiasi pesara turut diadakan bersekali dengan Majlis APC JPSM tahun 2014 ini sebagai satu medium bagi meraikan serta menghargai jasa 21 warga kerja JPSM yang telah bersara dari penjawat perkhidmatan awam pada tahun 2015. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala sumbangan, pengorbanan dan khidmat bakti yang telah ditaburkan sepanjang tempoh berkhidmat dalam perkhidmatan awam Malaysia, khususnya kepada JPSM.



▲ Penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



▲ Sesi bergambar penerima-penerima APC JPSM bersama YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha I (Pengurusan Sumber Asli) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada 41 penerima APC yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2014. Tahniah juga diucapkan kepada 10 penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Semoga semua penerima anugerah ini akan terus berkhidmat

▼ Pesara dan bakal pesara bagi tahun 2015.



PENGUTIPAN ANAK LIAR BAGI PROGRAM PENGHIJAUAN CAMERON HIGHLANDS

Disediakan oleh: Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



▲ Bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) terdiri daripada Prof. Dr. Maktab Mohamed MNS/UTM dan Encik Isman bin Ismail MNS/DOE Cameron Highlands.



▲ Taburan anak liar Meranti bukit (*Shorea platyclados*)



▲ Aktiviti penanaman anak liar bagi Gerok (*Exbucklandia populnea*) oleh wakil PEKA.

CAMERON HIGHLANDS - Dalam memastikan kelestarian persekitaran kawasan Cameron Highlands sebagai satu destinasi pelancongan utama negara, satu (1) Jawatankuasa Khas Penghijauan Cameron Highlands (Greening Cameron Highlands Task Force) telah ditubuhkan. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah dilantik sebagai peneraju Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia (JKPTG), Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dan Badan Bukan Kerajaan.

Selaras dengan penubuhan jawatankuasa ini, Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPN Pahang) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan pasukan khas bagi pengutipan anak liar untuk Program Penghijauan Cameron Highlands ini. Pasukan khas ini adalah terdiri daripada kakitangan BSB dan JPN Pahang. Tujuan kutipan ini adalah untuk memastikan kesediaan stok anak pokok pada masa akan datang. Ini bagi memastikan aktiviti penanaman

pokok sempena Program Penghijauan Cameron Highlands berjaya dilaksanakan sehingga tahun 2020.

Sebanyak tiga (3) siri kutipan telah dijalankan iaitu pada 12-15 Januari 2014, 5-13 Februari 2015 dan 5-6 Mac 2015. Lokasi kutipan yang terlibat adalah di sekitar kawasan Cameron Highlands seperti di Hutan Simpan (HS) Mentigi, HS Gunung Siku, HS Ulu Bertam dan Hutan Lipur (HL) Sungai Pauh. Di antara spesies anak liar yang berjaya ditemui adalah seperti Meranti Bukit (*Shorea platyclados*), Gerok (*Exbucklandia populnea*), Kelat (*Syzygium spp.*), Medang Kemangi (*Cinnamomum porrectum*) dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang kutipan anak liar ini dijalankan adalah seperti aktiviti menabung, mengutip anak liar, menanam dan membaja. Usaha murni ini juga turut mendapat kerjasama yang baik daripada Badan Bukan Kerajaan (NGOs) seperti Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) dan Persatuan Pencinta Alam (MNS). Pihak NGOs bersama-sama membantu pihak JPSM untuk mengutip anak liar dan seterusnya menanam anak liar tersebut di Tapak Semaian Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands.



▲ Aktiviti menabung yang dilakukan oleh wakil MNS Cawangan Kelantan.



▲ Biji benih Kandis.

▲ Aktiviti kutipan anak liar Medang kemangi (*Cinnamomum porrectum*) oleh wakil MNS Kelantan.



▲ Aktiviti kutipan anak liar Meranti bukit (*Shorea platyclados*) oleh wakil MNS.

▲ Aktiviti penanaman anak liar bagi Meranti bukit (*Shorea platyclados*) oleh wakil MNS.



▲ Bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA) iaitu Cik Hasbe Zuraiha Abu Bakar dan Encik Aiman Mohd Misri.

▲ Bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Kelantan yang diwakili Pensyarah daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Lensa JPSM



▲ 28 Januari 2015
Mesyuarat JK Pemandu Projek Kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan JPSM Bil 1/2015.



▲ 30 Januari 2015
Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas dan Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang Sempena Persaraan YBhg. Dato' Hj. Nik Mohammad Shah bin Nik Mustafa TKP(OT).



▲ 16 Februari 2015
Mesyuarat Audit MS ISO 9001:2008.

MAJUTAN



▲ 24 Februari 2015

Majlis Perhimpunan Bulanan Februari 2015 dan Majlis Pelancaran buku Penubuhan dan pengurusan Tapak Semaian Hutan.



▲ 26 Mac 2015

Majlis Penyerahan Sijil Pelantikan kepada Juruaudit Dalam MC&I bagi Tahun 2015.



▲ 30 April 2015

Kursus imej penampilan diri dan etika anjuran PUSPANITA JPSM.

Lensa JPSM

25 Januari 2015 – Sambutan Hari Keluarga IPJPSM



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur
Tel. : (6)03-2616 4488 Faks : (6)03-2692 5657
<http://www.forestry.gov.my>